

GARIS PANDUAN PENGENAAN DUTI SETEM BAGI SURAT CARA YANG TERTAKLUK KEPADA JADUAL PERTAMA AKTA SETEM 1949



GARIS PANDUAN PEMUNGUT DUTI SETEM



Seksyen 76B Akta Setem 1949 (AS) memperuntukkan bahawa Pemungut Duti Setem mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Pemungut Duti Setem fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Ia memperuntukkan penjelasan Pemungut Duti Setem berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Pemungut Duti Setem boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Pemungut Duti Setem,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1 PENGENALAN

1.1 Garis panduan ini dikeluarkan untuk menjelaskan pengenalan duti setem bagi surat cara yang tertakluk kepada Jadual Pertama Akta Setem 1949 (AS 1949). Garis Panduan ini terbahagi kepada tujuh (7) bahagian seperti berikut:

- A** Pengenalan Duti Setem Ke Atas Surat Cara Sewa/Pajakan
- B** Pengenalan Duti Setem Ke Atas Surat Cara Pindah Milik Saham Tidak Tersenarai
- C** Pengenalan Duti Setem Ke Atas Surat Cara Pindah Milik Harta Tanah
- D** Pengenalan Duti Setem Ke Atas Surat Cara Jual Beli/Pindah Milik Perniagaan
- E** Pengenalan Duti Setem Ke Atas Surat Cara Pindah Milik Selain Daripada Pindah Milik Harta Tanah, Saham Dan Perniagaan
- F** Pengenalan Duti Setem Ke Atas Surat Cara Sekuriti
- G** Pengenalan Duti Setem Ke Atas Surat Cara Di Bawah Penyeteman Am

1.2 Menurut subseksyen 4(1) AS 1949, surat cara yang disenaraikan dalam Jadual Pertama adalah dikenakan duti setem pada kadar duti sebagaimana ditetapkan di bawah Jadual tersebut.

1.3 Duti setem ditentukan berdasarkan kandungan dan kesan undang-undang dokumen tersebut dan bukan pada namanya.

1.4 Seksyen 35A AS 1949 memperuntukkan bahawa surat cara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama perlu dikemukakan kepada Pemungut Duti Setem dalam Borang Nyata Duti Setem melalui sistem e-Duti Setem di MyTax.

1.5 Pihak yang perlu membayar duti adalah orang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga AS 1949.



2 PENAFIAN

2.1 Contoh-contoh surat cara yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini adalah tidak menyeluruh. Nama-nama surat cara yang dipetik adalah sebahagian daripada jutaan data LHDNM sebagaimana permohonan pembayar duti melalui sistem e-Duti Setem di MyTax.

2.2 Ditegaskan bahawa pengenalan duti setem dikenakan berdasarkan kandungan surat cara itu dan bukan pada namanya.



A. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA SEWA/PAJAKAN

1 PENGENALAN

1.1



Seksyen 2 Akta Setem 1949 (AS 1949) mendefinisikan pajakan sebagai suatu **pajakan harta tak alih** termasuk:-

- a** apa-apa aku janji bertulis untuk bercucuk tanam, menduduki atau membayar atau memberi sewa bagi harta tak alih;
- b** apa-apa surat cara yang mengenakan bayaran, sewaan atau surat cara yang menghasilkan apa jua keuntungan yang boleh dipungut; atau
- c** apa-apa kenyataan bertulis yang menunjukkan bahawa suatu permohonan pajakan dibenarkan.

1.2



Surat cara perjanjian penyewaan merujuk kepada tempoh perjanjian sewa **tiga (3) tahun atau kurang**.

1.3



Surat cara perjanjian pajakan yang mempunyai tempoh perjanjian **melebihi tiga (3) tahun** hendaklah disempurnakan bersama-sama dengan **Borang Pajakan (Borang 15A)** menurut **Kanun Tanah Negara (KTN)** dan perlu didaftarkan di **Pejabat Tanah dan Galian (PTG)**.

1.4 Contoh harta tak alih, antaranya:



Tanah



Rumah



Kedai



Kilang



Bangunan

Tapak /
Ruang Perniagaan

Ruang Kerja

A. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA SEWA/PAJAKAN

2 KAEDAH PENGENAAN DAN KADAR DUTI

2.1 Penentuan duti bergantung kepada-



a penyempurnaan surat cara di mana lazimnya ditandatangani oleh kedua-dua pihak, pemberi dan penerima pajakan;



b tarikh penyempurnaan adalah tarikh surat cara sewa/pajakan ditandatangani;



c tempoh pajakan, yang ditentukan berdasarkan—
i. tarikh pajakan bermula pada tarikh penyempurnaan surat cara; **atau**
ii. tarikh pajakan bermula selepas tarikh penyempurnaan surat cara; **atau**
iii. tarikh pajakan bermula sebelum penyempurnaan surat cara.



d bayaran atau balasan untuk mendapatkan pajakan.

2.2

Surat cara sewa/pajakan dikenakan duti menurut butiran 49 Jadual Pertama AS 1949.

a Subbutiran 49(a)

Subbutiran	Bayaran/Purata Sewa Setahun dan Balasan Tahunan Lain	Kadar Duti Mengikut Tempoh Pajakan			
		≤ 1 tahun	> 1 - 3 tahun	> 3 - 5 tahun	> 5 tahun
49(a)	Setiap RM250.00 atau sebahagian daripadanya	RM1.00	RM3.00	RM5.00	RM7.00

b Subbutiran 49(b)



Bayaran sekali gus yang merupakan fine atau premium sebagai balasan memperoleh pajakan. Kadar duti dikenakan mengikut subbutiran 32(a) Jadual Pertama AS 1949.

c Subbutiran 49(c)



Sewa biasa yang dikenakan duti mengikut subbutiran 49(a) dan fine atau premium mengikut subbutiran 49(b), duti yang dikenakan adalah jumlah duti bagi kedua-dua butiran tersebut.

d Subbutiran 49(d)



Surat cara perjanjian pajakan yang menyatakan balasan dalam bentuk nisbah atau peratusan hasil tanah yang perlu dibayar kepada tuan tanah dikenakan duti mengikut subbutiran 49(d). Hasil tanah termasuk hasil pertanian, perlombongan, penternakan dan seumpama dengannya sebagai balasan pajakan. Duti tetap **RM10.00** dikenakan.

e Subbutiran 49(e)



Sekiranya terdapat surat cara pajakan lain berkaitan dengan surat cara perjanjian pajakan yang telah disetamkan dengan sempurna mengikut subbutiran 49(a), 49(b), 49(c) atau 49(d) Jadual Pertama dikemukakan kepada Pemungut Duti Setem, surat cara pajakan lain tersebut dikenakan duti tetap **RM10.00**.

Mengikut **seksyen 221 KTN**, pajakan yang melebihi tiga (3) tahun perlu didaftarkan di PTG dengan menggunakan **Borang Pajakan (Borang 15A)**. Duti tetap akan dikenakan mengikut subbutiran 49(e) Jadual Pertama sebanyak **RM10.00** atas **Borang 15A** dengan syarat surat cara perjanjian pajakan telah disetamkan dengan sempurna.

Borang 15A yang disetamkan dengan duti RM10.00 akan diendos mengikut **seksyen 11 AS 1949**.

f Subbutiran 49(f)



Surat cara pajakan lain yang tidak boleh dikenakan duti mengikut subbutiran 49(a) hingga 49(e), dikenakan duti tetap mengikut subbutiran 49(f) sebanyak **RM10.00**. Tiada nilai balasan.

A. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA SEWA/PAJAKAN



3. ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBAYAR DUTI

3.1



Perjanjian utama –
penyewa/penerima pajakan
(lessee)

menurut subbutiran 8(a)
Jadual Ketiga AS 1949.



3.2



Salinan surat cara –
tuan tanah/pemberi pajakan
(lessor)

menurut subbutiran 8(b)
Jadual Ketiga AS 1949.



4. CONTOH SURAT CARA



B. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PINDAH MILIK SAHAM TIDAK TERSENARAI



1

PENGENALAN



- Surat cara pindah milik saham hendaklah disetamkan berdasarkan harga atau nilai saham pada tarikh pindah milik.
- Saham merujuk kepada saham tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

2

KAEDAH PENGENAAN DAN KADAR DUTI

2.1



Surat cara pindah milik saham, syer atau sekuriti boleh pasar adalah dikenakan duti di bawah subbutiran 32(b) Jadual Pertama AS 1949 seperti berikut -

"On sale of any stock, shares or marketable securities, to be computed on the price or value thereof on the date of transfer, whichever is the greater -

For every RM1,000 or fractional part of RM1,000

RM3.00

2.2

Kaedah-kaedah pengiraan:

a) Saham Biasa (Ordinary Share)

- Nilai Aset Ketara Bersih (NAKB)/ Net Tangible Asset (NTA); atau
- Balasan(consideration).

Formula NAKB/NTA

NAKB/NTA = Jumlah Aset – Aset Tidak Ketara – Jumlah Liabiliti

NAKB/NTA sesaham = $\frac{\text{NAKB/NTA}}{\text{Jumlah saham diterbitkan}}$

b) Saham Keutamaan (Preference Share)

- Nilai saham keutamaan dipindah milik = Nilai Nominal + Premium; atau
- Balasan(consideration).



KATEGORI	NILAI SAHAM DIKENAKAN DUTI SETEM	
 Jualan saham yang memerlukan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	Harga atau nilai yang diluluskan oleh SC	
 Syarikat mengalami kerugian	i. NAKB/NTA; atau ii. balasan (consideration)	yang mana lebih tinggi
 Syarikat memperolehi keuntungan	i. NAKB/NTA; atau ii. balasan (consideration)	yang mana lebih tinggi
 Syarikat baharu ditubuhkan	balasan (consideration)	
 Syarikat tidak aktif (dormant company)	i. NAKB/NTA; atau ii. balasan (consideration)	yang mana lebih tinggi

3

ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBAYAR DUTI



Pembeli atau penerima pindah milik – butiran 5 Jadual Ketiga AS 1949.



4

CONTOH SURAT CARA



Borang Pindah Milik Saham
(Form of Transfer of Securities)
di bawah seksyen 105
Akta Syarikat 2016.



Nota: Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Garis Panduan Mengenai Duti Setem Ke Atas Surat Cara Pindah Milik Saham Bagi Saham Syarikat Yang Tidak Tersenarai Di Bursa Malaysia Berhad bertarikh 6 November 2019.

C. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PINDAH MILIK HARTA TANAH



1 PENGENALAN



Butiran 32 Jadual Pertama AS 1949 mengenakan duti setem *ad valorem* ke atas surat cara yang mempunyai kesan pemindahan, penyerahakan atau pelupusan sesuatu harta atau kepentingan dalam harta, sama ada kepentingan di sisi undang-undang atau apa-apa kepentingan lain termasuk kepentingan benefisial.

2 KAEDAH PENGENAAN DAN KADAR DUTI

2.1 Kadar duti yang terpakai ke atas surat cara pindah milik harta tanah adalah mengikut subbutiran 32(a), 32(aa), 32(ab) atau mana-mana subbutiran lain yang berkaitan, tertakluk kepada nilai balasan atau nilai pasaran harta tersebut, mengikut mana yang lebih tinggi.

a) Kadar mengikut subbutiran 32(a)

Nilai balasan atau nilai pasaran yang mana tinggi	Setiap RM100.00 atau sebahagian daripadanya
RM100,000 yang pertama	RM1.00
Melebihi RM100,000 sehingga RM500,000	RM2.00
Melebihi RM500,000 sehingga RM1,000,000	RM3.00
Melebihi RM1,000,000	RM4.00

b) Kadar mengikut subbutiran 32(aa)



Jualan ke atas sebarang harta tanah (kecuali stok, syer, sekuriti boleh pasar dan akaun belum terima atau hutang belum dibukukan yang dinyatakan dalam subbutiran 32(c)) kepada syarikat asing atau individu yang bukan warga negara dan bukan pemastautin tetap (*permanent resident*) Malaysia.

Kadar duti RM4.00 bagi setiap RM100.00 atau sebahagian daripadanya.

c) Kadar mengikut subbutiran 32(ab)



Jualan ke atas sebarang harta kediaman mulai 1 Januari 2026 kepada syarikat asing atau individu yang bukan warga negara dan bukan pemastautin tetap.

Kadar duti RM8.00 bagi setiap RM100.00 atau sebahagian daripadanya.

2.2



Sekiranya surat cara yang memindahkan kepentingan lain termasuk benefisial telah dikenakan duti *ad valorem*, surat cara yang memindahkan kepentingan di sisi undang-undang (*legal interest*) seperti pendaftaran hak milik ke atas harta layak dikenakan duti menurut subbutiran 32(i) pada kadar RM10.00.

3 ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBAYAR DUTI



Pembeli atau **penerima** pindah milik – butiran 5 Jadual Ketiga AS 1949.

4 CONTOH SURAT CARA

- | | | |
|--|--|--|
|  a Memorandum of Transfer (MOT)
 b Borang 14A KTN
 c Power of Attorney (being conveyance of real property in consideration of, and creating by way of sale or gift)
 d Annuity (Conveyance in Consideration of, and instrument creating by way of sale or gift) |  e Deed of Gift
 f Deed of Assignment
 g Joint Venture Agreement
 h Development Right Agreement |  i Trust Deed
 j Surat Ikatan Hibah
 k Settlement Agreement (Transfer of Property)
 l Release and Renunciation (on sale)
 m Release or Renunciation (by way of gift) |
|--|--|--|

D. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA JUAL BELI / PINDAH MILIK PERNIAGAAN



1 PENGENALAN

- 1.1** Jual Beli/Pindah milik perniagaan bagi maksud Garis Panduan ini ialah pindah milik yang melibatkan keseluruhan atau sebahagian (*going concern*) suatu perniagaan.

CONTOH:

Syarikat ABC Sdn. Bhd. menjalankan aktiviti penjualan kenderaan dan pusat servis kenderaan. Syarikat ABC Sdn. Bhd. menjual keseluruhan perniagaan pusat servis kenderaan termasuk aset dan liabiliti. Penjualan pusat servis kenderaan adalah penjualan sebahagian daripada suatu perniagaannya (*going concern*).



- 1.2** Lazimnya, bagi sesuatu transaksi dalam pindah milik perniagaan surat cara yang digunakan adalah surat cara jual beli perniagaan yang berfungsi untuk menjual dan membeli apa-apa hak atau kepentingan termasuk kepentingan saksama aset-aset serta liabiliti sesuatu perniagaan. Muhibah (*goodwill*) juga adalah sebahagian daripada aset perniagaan.

- 1.3** Subseksyen 21(1) Akta Setem 1949 (AS 1949) memperuntukkan bahawa apa-apa surat cara kontrak atau perjanjian yang dibuat di Malaysia bagi –

- penjualan apa-apa hak atau kepentingan saksama (*equitable estate or interest*) atas apa-apa harta; atau
- penjualan apa-apa hak atau kepentingan (*estate or interest*) atas apa-apa harta (tertakluk kepada kecualian di bawah subseksyen 21(1) AS 1949)

layak dikenakan duti *ad valorem* sebagai surat cara pemindahan atas jualan (*conveyance on sale*) menurut AS 1949.

2 KAEDAH PENGENAAN DAN KADAR DUTI

- 2.1** Perkara-perkara berikut akan diambil kira bagi pengenaan duti di bawah subbutiran 32(a) Jadual Pertama AS 1949:

- hutang-hutang dan penerimaan;
- wang di bank (akaun simpanan tetap);
- manfaat dalam sesuatu kontrak;
- muhibah (*goodwill*); dan
- lain-lain aset



- 2.2** Sekiranya nilai muhibah tidak dinyatakan dalam perjanjian, maka ianya akan dikira berdasarkan formula berikut:

FORMULA PENGIRAAN MUHIBAH

Muhibah = Balasan – (Jumlah Aset – Jumlah Liabiliti)

- 2.3** Jika muhibah dinyatakan dalam perjanjian, perbandingan akan dibuat dengan nilai muhibah berdasarkan formula dan nilai yang tertinggi akan diambil untuk tujuan pengenaan duti.

- 2.4** Kadar duti setem yang dikenakan mengikut subbutiran 32(a) Jadual Pertama AS 1949

Nilai balasan atau nilai pasaran yang mana tinggi	Setiap RM100.00 atau sebahagian daripadanya
 RM100,000 yang pertama	RM1.00
 Melebihi RM100,000 sehingga RM500,000	RM2.00
 Melebihi RM500,000 sehingga RM1,000,000	RM3.00
 Melebihi RM1,000,000 dan ke atas	RM4.00

3 ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBAYAR DUTI



Pembeli atau penerima pindah milik – butiran 5 Jadual Ketiga AS 1949.

4 CONTOH SURAT CARA

- Perjanjian Pindah Milik Perniagaan
- Sale of Business Agreement
- Agreement for the Sale of Business
- Business Takeover Agreement
- Business Purchase Agreement



E. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PINDAH MILIK SELAIN DARIPADA PINDAH MILIK HARTA TANAH, SAHAM DAN PERNIAGAAN



1 PENGENALAN

1.1



Bahagian ini adalah untuk menjelaskan pengenaan duti ke atas surat cara berhubung **pindah milik kepentingan atas harta**. Harta merangkumi harta alih atau harta tak alih termasuk apa-apa hak atau kepentingan seseorang terhadap harta tersebut, sama ada dimiliki sekarang, akan dimiliki pada masa hadapan, bergantung kepada syarat tertentu, apa-apa hutang, hak untuk membuat tuntutan, serta apa-apa hak lain yang mempunyai nilai dan boleh dipindahkan atau diserahkan kepada orang lain.

1.2



Pindah milik kepentingan atas harta memenuhi maksud **conveyance on sale** menurut Seksyen 2 Akta Setem 1949 (AS 1949). Surat cara pindah milik atas jualan merujuk kepada apa-apa surat cara dan apa-apa keputusan atau perintah mahkamah yang menyebabkan hak milik sesuatu harta, atau apa-apa hak dan kepentingan dalam harta tersebut, berpindah kepada pembeli atau pihak yang mewakilinya akibat daripada suatu urusan jual beli.

1.3



Subseksyen 21(1) AS 1949 memperuntukkan bahawa apa-apa surat cara kontrak atau perjanjian yang dibuat di Malaysia bagi –

- a) penjualan atau penyerahhakan (*assignment*) apa-apa hak atau kepentingan saksama (*equitable estate or interest*) atas apa-apa harta; atau
- b) penjualan atau penyerahhakan (*assignment*) apa-apa hak atau kepentingan (*estate or interest*) atas apa-apa harta (tertakluk kepada kecualian di bawah subseksyen 21(1) AS 1949),

hendaklah dikenakan duti **ad valorem** sebagai surat cara pemindahhakan atas jualan (**conveyance on sale**) menurut Butiran 32.

1.4



Manakala subseksyen 16(1) AS 1949 memperuntukkan duti setem **ad valorem** adalah dikenakan ke atas pemberian sukarela atau pindah hak harta melalui pemberian. Surat cara penyerahhakan (*assignment*) juga layak dikenakan duti sebagai surat cara pemindahhakan atas jualan (**conveyance on sale**) menurut butiran 32 AS 1949.

Surat cara pindah milik yang dibuat tanpa apa-apa balasan atau tanpa balasan yang setimpal disifatkan sebagai suatu pemberian sukarela (**voluntary disposition inter vivos**) dan dikenakan duti setem seolah-olah ia merupakan suatu pemindahhakan atas jualan (**conveyance on sale**) menurut subseksyen 16(1) dan 16(3) AS 1949.

1.5



Contoh: surat cara **absolute assignment of policy of life insurance** adalah surat cara penyerahhakan mutlak polisi insurans oleh pemilik polisi kepada penerima polisi yang dikenakan duti menurut subbutiran **12(c) Jadual Pertama AS 1949**.

E. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PINDAH MILIK SELAIN DARIPADA PINDAH MILIK HARTA TANAH, SAHAM DAN PERNIAGAAN



2 KAEDAH PENGENAAN DAN KADAR DUTI

2.1 Pengenaan duti ke atas surat cara berhubung pindah milik kepentingan atas harta adalah menurut butiran 32 Jadual Pertama AS 1949 seperti berikut:

a) Kadar mengikut subbutiran 32(a)

Nilai balasan atau nilai pasaran yang mana tinggi	Setiap RM100 atau sebahagian daripadanya
RM100,000 yang pertama	RM1.00
Melebihi RM100,000 sehingga RM500,000	RM2.00
Melebihi RM500,000 sehingga RM1,000,000	RM3.00
Melebihi RM1,000,000 dan ke atas	RM4.00

b) Kadar mengikut subbutiran 32(aa)

Jualan ke atas sebarang harta kepada syarikat asing atau individu yang bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap (*permanent resident*) Malaysia.

Kadar duti RM4.00 setiap RM100 atau sebahagian daripadanya.

Pengenaan duti bagi transaksi jual beli aset – Rujuk **Garis Panduan Pengenaan Dut Setem ke atas Surat Cara Jual Beli dan Surat Cara Pindah Milik bagi Harta Alih**.

2.2 Walaupun surat cara pindah milik harta lazimnya dikenakan duti setem di bawah butiran 32 Jadual Pertama AS 1949, namun surat cara yang melibatkan penyerahhakan polisi insurans adalah dikenakan duti setem mengikut subbutiran 12(c) Jadual Pertama AS 1949 seperti berikut:

a) Subbutiran 12(c)(i)

Surat cara penyerahhakan (*assignment*) polisi insurans hayat yang dibuat melalui hadiah (*gift*) atau amanah (*trust*) dikenakan duti setem mengikut kadar tetap yang ditetapkan di bawah subbutiran 12(c)(i) Jadual Pertama AS 1949 berdasarkan jumlah perlindungan insurans (*sum insured*).

Melalui pemberian atau amanah, jika amaun yang diinsuranskan	Kadar
tidak melebihi RM100,000.00	RM10.00
melebihi RM100,000.00 sehingga RM500,000.00	RM100.00
melebihi RM500,000.00 sehingga RM1,000,000.00	RM500.00
melebihi RM1,000,000.00	RM1,000.00



b) Subbutiran 12(c)(ii)

Surat cara penyerahhakan (*assignment*) polisi insurans hayat selain yang dibuat melalui hadiah (*gift*) atau amanah (*trust*) dikenakan duti setem sebagai surat cara pemindahhakan (*conveyance*) mengikut subbutiran 12(c)(ii) Jadual Pertama Akta Setem 1949.

3 ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBAYAR DUTI



Penerima pindah milik (*assignee/transferee*) –
Butiran 5 Jadual Ketiga AS1949.



4 CONTOH SURAT CARA

- | | |
|---|--|
| a) Absolute Assignment @ Penyerahan Hak | f) Penyerahhakan |
| b) Absolute Assignment of Policy of Life Insurance | g) Penyerahhakan (Pindah Milik) |
| c) Absolute Sale Assignment | h) Perjanjian Penyerahhakan |
| d) Deed of Assignment | i) Perjanjian Sambung Bayar Kenderaan |
| e) Deed of Assignment (Security for Direct Payments to Third Party) | j) Surat Ikatan Penyerahan Hak |
| | k) Vehicles Sales and Purchase Agreement |



F. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA SEKURITI



1 PENGENALAN

1.1

Surat cara sekuriti adalah surat cara yang mengandungi aku janji yang jelas bagi mewujudkan tanggungan atau obligasi untuk-

- a** membayar wang;
- b** membayar balik wang;
- c** menjamin bayaran wang; atau
- d** menjamin pembayaran balik wang.

1.2

Surat cara sekuriti dipegang oleh seseorang sebagai jaminan kepada haknya untuk menerima apa-apa bayaran yang dijamin melalui dokumen tersebut.

1.3

Suatu surat cara tidak semestinya mengandungi gadaian atau cagaran untuk diklasifikasikan sebagai sekuriti, adalah mencukupi jika surat cara itu mengandungi suatu obligasi atau aku janji untuk membuat bayaran.

2 KAEDAH PENGENAAN DAN KADAR DUTI

2.1

Duti dikenakan menurut butiran/subbutiran berikut-

Butiran 5, 12, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 27, 36, 42, 45, 47, 50, 50A, 52, 60, 65, 66(b) dan 78 Jadual Pertama Akta Setem 1949 (AS 1949).

2.2

Duti dikenakan ke atas nilai balasan atau jumlah pinjaman.

3 ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBAYAR DUTI



Pihak yang bertanggungjawab membuat bayaran atau memberi jaminan bagi bayaran tersebut atau pihak yang membuat perjanjian tersebut-

- a** Penanggung obligasi atau pemberi sekuriti – butiran 2 Jadual Ketiga AS 1949
- b** Penggadaai, penggadaai janji atau penanggung obligasi – butiran 3 Jadual Ketiga AS 1949.
- c** Pihak yang menyediakan, menyempurnakan atau melaksanakan surat cara - subseksyen **33(b)** AS 1949

F. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA SEKURITI



4 CONTOH SURAT CARA

4.1 Gadaian (16A)



- a Borang 16A KTN
- b Charge and Assignment (Gadaian)

4.2 Hire Purchase Agreement



- a Al Ijarah Thumma Al Bai (AITAB)
- b Hire Purchase Agreement
- c Islamic Hire Purchase Agreement
- d KFH Automobile Ijarah-i Offer
- e Muamalat Hire Purchase-i Offer

4.3 Perjanjian Penyedia Perkhidmatan



- a Perjanjian Penyedia Perkhidmatan Tambahan
- b Perjanjian Perkhidmatan dan Penyelenggaraan
- c Perjanjian Penyedia Perkhidmatan
- d Property Management
- e Service Agreement
- f Letter of Award
- g Surat Setuju Terima
- h Authorised Dealer Agreement
- i Dealer Agreement

4.4 Perjanjian Pinjaman



- a Agreement for Bankers Acceptances
- b Application for Credit Facility
- c Application for Credit Facilities
- d Conventional Property Financing Facility Agreement
- e Facility Agreement (Upstamping)
- f Facility Agreement
- g Facility Letter
- h General facility Agreement
- i Home Financing Agreement
- j Home Financing Facility Agreement
- k Housing Loan Agreement
- l Longhouse Loan Agreement
- m Master Facility Agreement
- n Memorandum of Charge Over Fixed Deposit
- o Murabahah Facility Agreement
- p Musharakah Mutanaqisah Home Financing Facility Agreement
- q Policy Loan Agreement
- r Perjanjian Kemudahan PayG
- s Perjanjian Pemberian Subsidi Dan Pinjaman Rumah Mesra Rakyat
- t Perjanjian Pinjaman
- u Pinjaman dan Pembinaan Rumah Mesra Rakyat
- v Deed of Subordination
- w Factoring Agreement
- x Investment Agency Agreement
- y Investment Agreement
- z Investment and Shareholders Agreement
- aa Irrevocable Letter of Undertaking
- ab Letter of Appointment
- ac Letter of Set-Off
- ad Letter of Subordination
- ae Letter Pledging Fixed Deposit Receipt
- af Memorandum of Deposit
- ag Nota Janji Hutang
- ah Perjanjian Pemberian Subsidiari
- ai Sponsorship Agreement
- aj Subscriber Agreement

4.5 Pinjaman Dalam Matawang Asing



- a Pinjaman Dalam Matawang Asing
- b Pinjaman Matawang Asing

4.6 Pinjaman IKS (SME)



- a Perjanjian Pinjaman IKS(SME)
- b Perjanjian Pinjaman Industri Kecil Sederhana

F. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA SEKURITI



4

CONTOH SURAT CARA

4.7

Pinjaman Peribadi



- a** AgroCash-i
- b** Al-Yaseer Personal Financing-i Facility Agreement
- c** Application for Affin Advance
- d** Aslah Tawarruq Personal Financing-i Facility Agreement (P)
- e** Friendly Loan Agreement
- f** Letter of Cum Facility Agreement
- g** Loan Personal Agreement
- h** Money Lender Agreement
- i** Money Lending Agreement
- j** Money Lending Agreement (Secured Loan)
- k** Money Lending Agreement (Unsecured Loan)
- l** Moneylanding Agreement
- m** Perjanjian Kemudahan Ammoneyline
- n** Perjanjian Pemberi Pinjaman Wang
- o** Perjanjian Pemberi Pinjaman Wang (Pinjaman Bercagar)
- p** Perjanjian Pemberi Pinjaman Wang (Pinjaman Tanpa Cagaran)
- q** Perjanjian Pemberian Pinjaman Wang (Tanpa Cagaran)
- r** Perjanjian Pinjaman Peribadi
- s** Perjanjian Pinjaman (Kredit Komuniti)
- t** Perjanjian Pemberian Pinjaman Wang (Pinjam Tanpa Cagaran)
- u** Personal Financing
- v** Personal Financing Facility
- w** Personal Loan
- x** Pinjaman Peribadi
- y** Pinjaman Wang Berlesen
- z** Salary Financing-i Facility
- aa** Surat Tawaran Pinjaman Peribadi

4.8

Pinjaman Pelajaran



- a** Affin Education Financing-i
- b** Affin Tawarruq Education Financing-i ("Facility")
- c** Education Financing
- d** Education Loan Agreement
- e** Perjanjian Pendidikan Guru
- f** Perjanjian Pinjaman Pendidikan
- g** Perjanjian Pinjaman Pendidikan MARA
- h** Perjanjian Pinjaman Pendidikan/Pinjaman Semula Pendidikan
- i** Perjanjian Pinjaman Pelajaran
- j** Perjanjian Pinjaman Pelajaran MARA
- k** Perjanjian Pinjaman Institusi Pendidikan Tinggi
- l** Perjanjian Pembiayaan Institusi Pendidikan Tinggi
- m** Perjanjian Pembiayaan Latihan Kemahiran Skim Transformasi Kerangka Produktiviti Insan (TKPI)
- n** Perjanjian Pembiayaan Pelajar Program Matrikulasi
- o** Perjanjian Program Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan Perkasa TVET
- p** Perjanjian Program Pembangunan Siswa Sulung 2.0
- q** Perjanjian Pembiayaan Pendidikan
- r** Pinjaman Pendidikan/Pinjaman Semula Pendidikan
- s** Pinjaman Pendidikan PTPTN
- t** Pinjaman Pengajian Tinggi
- u** Pinjaman IKS
- v** Pinjaman Latihan
- w** Pinjaman Latihan Kemahiran
- x** Pinjaman Pelajaran MARA
- y** Pinjaman Pelajaran PTPTN
- z** Pinjaman SME
- aa** Pembiayaan Latihan
- ab** Pembiayaan Pelajaran
- ac** Pembiayaan Pendidikan
- ad** Pembiayaan Institusi Pendidikan Tinggi
- ae** Pinjaman Institusi Pendidikan Tinggi
- af** Pinjaman Pendidikan
- ag** Pinjaman Pendidikan PTPTN
- ah** Pinjaman MARA
- ai** Student Loan Fund Agreement
- aj** Study Loan Agreement
- ak** Surat Perjanjian Pinjaman Pendidikan Yayasan Negeri Sembilan
- al** Perjanjian Biasiswa

F. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA SEKURITI



4 CONTOH SURAT CARA

4.9

Sewa/Pajakan Alat-alatan



- a Agreement for Hire of Safe Deposit Box
- b Agreement for Hire of Safe Deposit Box-i
- c Agreement for The Hiring of Safe Deposit Box
- d Agreement for The Hiring of Save Deposit Box
- e Agreement for Hire of Safe Deposit Boxes
- f Application Form for Hire of Safe Deposit Box
- g Car Park Tenancy Contract
- h Car Rental Agreement
- i Copier Rental
- j Equipment Rental Agreement
- k Furniture Rental Agreement
- l Hiring Excavator Agreement
- m Motor Vehicle Lease Agreement
- n Pajakan Alat Alatan
- o Pajakan Peralatan
- p Perjanjian Kebenaran Menduduki Ruangniaga
- q Perjanjian Pajakan Kenderaan
- r Perjanjian Sewa Kereta
- s Perjanjian Sewa Kiosk
- t Perjanjian Sewa Mesin
- u Perjanjian Sewa Peralatan
- v Perjanjian Sewa Tangki
- w Perjanjian Sewa Peti Safe Deposit
- x Perjanjian Sewa Perabot
- y Rental Agreement
- z Sewa Alamat
- aa Sewa Peti Safe Deposit

4.10

Waad



4.11

Bond (of any kind)



- a Bond
- b Bon Am Kenderaan
- c Bon Ganti Rugi
- d Bon Jaminan
- e Bon Jaminan Imigresen
- f Bon Jaminan Kerajaan
- g Bon Kuasa Mentadbir
- h Bon Letter of Indemnity from Individual
- i Bon Letter of Indemnity from Third Party Individual Guarantor
- j Bon Pentadbiran
- k Bon Peribadi
- l Bon Tanggung Rugi
- m General Bond
- n Immigration Personal Bond
- o Perjanjian Bond
- p Personal Bond

4.12

Charge and Assignment



- a Assignment
- b Assignment (rental proceeds)
- c Assignment and Charge over Accounts
- d Assignment of Contract Proceeds
- e Assignment of Service Agreement
- f Charge and Assignment over Designated Account
- g Charge Annexure
- h Charge over cash deposits
- i Memorandum of Charge
- j Memorandum of Charge Over Islamic Account(S) For Credit Card-i Facility
- k Memorandum of Legal Charge / Assignment Over Designated Accounts And/or Deposits

4.13

Debenture





F. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA SEKURITI

4 CONTOH SURAT CARA

4.14 Easy Payment Agreement



- a Aku janji Persetujuan Pemindahan Tunggakan Bil Elektrik
- b Easy Payment Agreement

4.15 Francais



- a Franchisee Agreement
- b Notice of Renewal of Franchise Agreement

4.16 Kontrak Pembinaan



- a Construction Agreement
- b Perjanjian Bina Rumah
- c Perjanjian Kontrak Binaan

4.17 Lesen



- a Licence Agreement
- b Service Station Licence Agreement (Lesen)

4.18 Pembiayaan ASB



- a Affin Tawarruq Term Financing-i Secured By Securities ("Facility")
- b ASB Personal Financing-i
- c Amanah Saham Bumiputera (ASB) Financing-i
- d BSN ASB-i Term Financing
- e Pembiayaan Amanah Saham Bumiputera-i (ASB-i)
- f Tawaran Kemudahan BSN ASB-i Term Financing
- g TWQ ASB Financing-i

4.19 Pembiayaan Kewangan Di Bawah Prinsip Syariah



- a Al-Murabahah Share Margin Financing Facility Agreement
- b Agency Contract (Wakalah)
- c Asset Purchase Agreement
- d Asset Sales Agreement
- e BSN MyHome-i Facility Agreement Property Financing (Tawarruq)
- f BSN MyHome-i
- g Commodity Murabahah Facility Agreement (Commodity Murabahah Term Financing-i for Home / Property)
- h Commodity Murabahah Facility Agreement (Home Financing-i)
- i Commodity Murabahah Facility Agreement (Shophouse Financing-i)
- j Commodity Murabahah Property Financing-i Facility Agreement
- k Commodity Murabahah Facility Agreement
- l Facility Agreement Property Financing (Tawarruq)
- m Grab Facility Letter
- n Home Financing Agreement (Musharakah Mutanaqisah)
- o Home Financing-i Agreement
- p Master Facility Agreement
- q Murabahah Facility Agreement
- r Murabahah Sales Contract
- s Musyarakah Agreement, Perjanjian Fasilitas Di Bawah Prinsip Syariah
- t Perjanjian Penjualan Harta (Bai Al-Inah)
- u Perjanjian Principal Jualan Komoditi Staffezcash-i (Tawarruq)
- v Property Financing-i Tawarruq Facility Agreement
- w Property Sale Agreement
- x Tawarruq Facility Agreement
- y Tawarruq Financing-i Facility Agreement
- z Tawarruq Financing-i Facility Agreement Murabahah Sale Contract

F. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA SEKURITI



4 CONTOH SURAT CARA

4.20 PEMBIAYAAN PERIBADI DI BAWAH PRINSIP SYARIAH

- | | | |
|--|---|--|
| a Acceptance | u Notis Kemudahan Pembiayaan Peribadi AgroCash-i | aj Personal Financing-i Tawarruq |
| b Application for Education Financing-i | v Notis Pengeluaran Penuh Pembiayaan Peribadi Awam-i [Kemudahan] | ak Surat Tawaran Pembiayaan Peribadi |
| c Application for Personal Cash Line-i Facility | w Personal Financing-i Facility Agreement | al Surat Tawaran SPF |
| d Application for Personal Financing-i | x Personal Financing-i Facility Letter of Offer | am Surat Tawaran BSN MyRinggit-i |
| e Application for Vehicle Financing-i Facility | y Perjanjian Al-Qardhul Hassan | an Surat Kemudahan Pembiayaan |
| f Aslah Tawarruq Financing-i Facility Agreement | z Perjanjian Kemudahan AmMoneyLine | ao Terma Dan Syarat Kemudahan Peribadi AgroCash-i |
| g Aslah Tawarruq Financing-i Facility Agreement(P) | aa Perjanjian Kemudahan Pembiayaan e-Wawasan | ap Tawarruq Personal Financing-i Facility Agreement |
| h Aslah Tawarruq Personal Financing-i Facility Agreement | ab Perjanjian Kemudahan Peribadi | aq Tawaran Kemudahan BSN MyRinggit-i |
| i AEON-i Cash Personal Financing Facility | ac Perjanjian Pembiayaan Ar Rahn | ar Notification of Approval - ExeCash-i |
| j AgroCash-i | ad Perjanjian Pembiayaan Ar Rahn PPAR | as Notification of Approval - Staff ExeCash-i |
| k Al-Yaseer Personal Financing-i Facility Agreement | ae Perjanjian Pembiayaan Tawarruq RM20k Angkasa | at Notification of Approval |
| l Bai Al-Einah (BAE) Financing-i Asset Sale Agreement | af Perjanjian Pembiayaan BSN Micro-i | |
| m BAE Financing-i Asset Purchase Agreement | ag Perjanjian Jualan (Kakitangan) | |
| n Cash Line-i Facility Letter of Offer | ah Perjanjian Pembiayaan BSN MyRinggit-i | |
| o Emicro i-Financing Facility Agreement | ai Perjanjian Pembiayaan Peribadi | |
| p Islamic Personal Financing | | |
| q Islamic Personal Loan | | |
| q Kemudahan Pembiayaan Peribadi AgroCash-i | | |
| s Murabahah Credit Sale Facility Agreement | | |
| t Murabahah Commodity Personal Financing-i Facility Agreement | | |



4.21 PINJAMAN KENDERAAN

- a** FFB Hired Lorry Agreement
- b** Motor Vehicle/ Lorry Rental Agreement
- c** Pinjaman Kenderaan
- d** Pinjaman Sewa Kereta Pinjaman Sewa Lori
- e** Perjanjian Pinjaman Untuk Membeli Kereta/ Motosikal/ Motobot/ Bot/ Basikal Bagi Pegawai Kerajaan
- f** Vehicle Sale Agreement



F. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA SEKURITI



4 CONTOH SURAT CARA

4.22 Bond



- a Bon
- b Bon Jaminan
- c Security Bond
- d Performance Bond
- e Performance Guarantee

4.23 Hire Purchase Agreement (Non-Act)



- a Hire Purchase Agreement (Non-Act)
- b Industrial Hire Purchase Agreement
- c Al Ijarah Thumma Al Bai (AITAB) Agreement (Non-Act Goods)
- d Aitab Agreement (Non-Act Goods)
- e Hire Purchase Agreement (Unscheduled Goods)

4.24 Bayaran Ansuran



- a Aku janji Permohonan Bayaran Berkala
- b Aku janji Persetujuan Pemindahan Tunggakan Bil Elektrik

4.25 Fixed Deposit



- a Letter Pledging Fixed Deposit Receipt
- b Letter Pledging Fixed Deposit Receipt (Third Party)
- c Memorandum of Legal Charge / Assignment Over Designated Accounts and / or Deposits

4.26 Pinjaman Perniagaan



- a Perjanjian Pemberian Subsidi
- b Pinjaman dan Pembinaan Rumah Mesra Rakyat (Pembiayaan)
- c Perjanjian Kemudahan (Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPEDI))
- d Perjanjian Pinjaman Modal Program Jaya Diri
- e Perjanjian Prinsipal Jualan Komoditi - Pembiayaan Bernas Paddy-i
- f Pembiayaan Menggunakan Tawarruq
- g Perjanjian Pembiayaan Qard
- h Perjanjian Pembiayaan Tawarruq
- i Skim Pembiayaan Menggunakan Qard
- j Surat Ikatan Penyerahan Hak Bagi Bayaran Balik Pembiayaan TMPKSM
- k Perjanjian Pinjaman Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan Plus (TUNS PLUS)

4.27 Pinjaman untuk Alat-alatan



- a Affin Solar Financing-i
- b Perjanjian untuk Skim Pembiayaan Komputer
- c Perjanjian untuk Skim Pembiayaan Komputer/Telefon Pintar (Smartphones) Perkhidmatan Awam
- d Perjanjian Skim Kemudahan Pinjaman Kerajaan Sarawak
- e Pinjaman Sewa Mesin Fotostat

4.28 Issue Note



- a Issued Note
- b Promissory Note

4.29 Foreign Exchange



- a Forward Foreign Exchange Confirmation
- b Forward Foreign Exchange-i Wa'd (Undertaking)

4.30 Pembiayaan Kenderaan Prinsip Syariah



- a An-Naqlu Tawarruq Vehicle Financing-i Facility Agreement
- b Murabahah Vehicle Term Financing Facility Agreement
- c Muamalat Vehicle Financing -i
- d Perjanjian Al-Bai' Bithaman 'Ajil untuk Skim Pembiayaan Kenderaan Kakitangan
- e Perjanjian Al-Bithaman Ajil untuk Skim Pembiayaan Kenderaan Kakitangan Kerajaan
- f Tawarruq Vehicle Financing-i Facility Agreement

G. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA DI BAWAH PENYETEMAN AM



1 PENGENALAN

Bagi maksud Garis Panduan ini, surat cara yang tidak dikategorikan di bawah penyeteman berikut:

- a sewa/pajakan;
- b pindah milik saham tidak tersenarai;
- c pindah milik harta tanah;
- d jual beli/pindah milik perniagaan;
- e pindah milik selain daripada pindah milik harta tanah, saham dan perniagaan; dan
- f sekuriti,

adalah disetamkan di bawah kategori penyeteman am dan dikenakan duti secara amnya **RM10**. Pengenaan duti bukan berdasarkan kepada bayaran atau nilai yang dinyatakan dalam surat cara.



2 PENGENAAN DUTI

2.1 Pengenaan Duti Tetap RM10.00 menurut butiran/subbutiran dalam Jadual Pertama AS 1949

Butiran 2, 4, 6, 7, 13, 29, 29A, 30, 34, 35, 37, 38, 39, 40, 41, 48, 50, 50A, 51, 57, 58, 59(b), 60, 61, 65, 66(d), 67 (merujuk 59(b)), 68, 73 (merujuk 59(b)), 74, 75, 77 (merujuk 37), 78



2.2 Pengecualian Duti di bawah Jadual Pertama AS 1949

- a pengecualian butiran 2
- b pengecualian butiran 4
- c pengecualian butiran 58
- d pengecualian butiran 59



3 ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBAYAR DUTI



Pihak yang melaksanakan atau menandatangani surat cara tersebut bertanggungjawab membayar duti setem – subseksyen 33(b) AS 1949.



G. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA DI BAWAH PENYETEMAN AM



4 CONTOH-CONTOH SURAT CARA

4.1 Akuan Berkanun

- a Affidavit
- b Affidavit of Death
- c Affidavit of Free Witness (Amanah Raya)
- d Affidavit of Non-Bankruptcy
- e Affidavit of Vehicle Transfer (Amanah Raya)
- f Amanah Raya – Agreement of Rejection
- g Form of Affidavit
- h Certificate of Non-Legal Representation
- i Certificate under Section 84(1) of the Legal Profession Act 1976
- j Declaration
- k Statutory Declaration – Bankruptcy
- l Statutory Declaration – Non-Winding Up
- m Statutory Declaration (Occupancy)
- n Statutory Declaration (Own Occupancy)
- o Statutory Declaration (Vendors)
- p Statutory Declaration (Winding Up)
- q Statutory Declaration by Customer
- r Statutory Declaration for Own Business Occupancy
- s Statutory Declaration for Owner Occupancy
- t Statutory Declaration
- u Statutory Declaration for Non-Bankruptcy
- v Statutory Declaration of Loss/Damage of Savings Book/Investment Certificate



4.2 Surat Tawaran Perjanjian Pelajaran

- a Perjanjian Cuti Belajar Bergaji Penuh
- b Perjanjian Kursus Pendidik Masyarakat
- c Perjanjian Latihan Kemahiran
- d Perjanjian Latihan Kemahiran Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan
- e Perjanjian Mengikuti Pengajian Akademik
- f Perjanjian Mengikuti Pengajian Akademik dan Latihan Ketenteraan
- g Perjanjian Pelajaran
- h Perjanjian Pelaksanaan Program Latihan Kompetensi Kemahiran Belia
- i Perjanjian Pakej Latihan Program Pelapis Kebangsaan 2024
- j Perjanjian Pengajian
- k Perjanjian Program Pembangunan Siswa Sulung 2.0 (SULUNG 2.0)
- l Perjanjian Menyambung Pengajian Ijazah Sarjana Muda
- m Perjanjian Menyambung Pengajian Program Ijazah Sarjana Muda UniKL



4.3 Borang Permohonan Bekalan Air



- a Borang Permohonan Perkhidmatan Bekalan Air
- b Perjanjian Bekalan Air
- c Perjanjian Bekalan Air SADA
- d Perjanjian Pengguna ke atas Bekalan Air
- e Surat Aku Janji oleh Pemaju
- f Terms and Conditions for the Supply of Water

4.4 Borang Permohonan Bekalan Elektrik

- a Application Form for Electricity Supply
- b Application for New Contract with Existing Meter
- c Borang Permohonan Bekalan Elektrik
- d Business Electricity Supply Form
- e Contract for Supply of Electricity
- f Energy Supply Agreement
- g NEM Application Form
- h Net Energy Metering 3.0 (NEM 3.0)



4.5 Borang Pemerbadanan Pemegang Amanah – Duti RM30.00



4.6 Constitution of Company – Duti RM200.00



4.7 Melepaskan Gadaian



- a Borang 16N KTN (Melepaskan Gadaian)
- b Memorandum of Discharge of Charge

G. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA DI BAWAH PENYETEMAN AM



4 CONTOH-CONTOH SURAT CARA

4.8 Pembatalan Perjanjian (Cancellation Agreement)

- a Deed of Revocation of Sale and Purchase Agreement



4.9 Perjanjian Jual Beli

- a Perjanjian Jual Beli Bangunan Komersial
- b Perjanjian Jual Beli Lot Tanah
- c Perjanjian Jual Beli Tanah Dan Bangunan
- d Perjanjian Jualan Harta Tanah



4.11 Polisi Insurans

- a Cargo Insurance Certificate
- b Cargo Insurance Policy
- c Cargo Transportation Insurance Policy
- d Certificate / Insurance Policy
- e Certificate of Cargo Insurance
- f Certificate of Insurance
- g Certificate of Insurance Marine Cargo Policy (Export)
- h Certificate of Marine Insurance
- i Foreign Insurance Policy
- j Marine Cargo Insurance Certificate
- k Marine Certificate of Insurance
- l Marine Declaration Cum Certificate of Insurance



4.12 Investment Agreement (yang bukan bersifat sekuriti)

- a Borang Pelaburan Semula Dividen
- b Dividend Reinvestment Plan Form
- c Perjanjian Pemegang Saham (Shareholder Agreement)
- d Perjanjian Perkongsian (Partnership Agreement)



4.10 Perjanjian Pekerjaan (yang wujud hubungan majikan dan pekerja)

- a Addendum to Employment Agreement
- b Agreement - Foreign Worker Are Allowed to Work with Other Company
- c Appointment Letter
- d Assignment Letter
- e Borang Perjanjian Guru Kelas Al Quran dan Fardhu Ain (KAFA)
- f Borang Perjanjian Kementerian Pertahanan Malaysia
- g Borang Perjanjian Pegawai Kontrak
- h Borang Perjanjian Pegawai Kontrak (Pelantikan Pertama)
- i Borang Perjanjian Perlantikan Kakitangan Kontrak Personel MySTEP
- j Borang Permohonan Pegawai Kontrak
- k Certificate of Acceptance of Appointment
- l Confirmation of Employment
- m Confirmation of Secondment Assignment
- n Employee's Training Agreement
- o Employees Training Program Scheme Agreement
- p Employment Agreement
- q Employment Bond Agreement
- r Extension of District Sales Agent Agreement
- s Extension of Employment Contract
- t Letter of Acknowledgement
- u Letter of Employment
- v Letter of Offer for Employment
- w Perjanjian Pegawai Lantikan Secara Kontrak
- x Pengesahan Jawatan Pekerjaan
- y Pengesahan Pekerja Syarikat



4.13 Surat Cara Wakil Kuasa / Power of Attorney

(merujuk butiran 59(b) Jadual Pertama AS 1949)

- a Nominees Agreement
- b Power of Attorney by Facility Agreement



G. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA DI BAWAH PENYETEMAN AM



4 CONTOH-CONTOH SURAT CARA

4.14 Surat Jaminan (bukan bersifat sekuriti)

- a Affidavit of Agency
- b Blanket Indemnity
- c Borang Jaminan Kewangan bagi Penjamin Kedua
- d Borang Jaminan Kewangan bagi Penjamin Pertama
- e Borang Jaminan Kewangan Pelajaran
- f Borang Jaminan Kewangan Pascasiswazah
- g Continuing Guarantee
- h Continuing Guarantee and Indemnity
- i Consent Letter and Declaration
- j Deed of Adherence
- k Deed of Guarantee and Indemnity
- l Director's Personal Guarantee
- m Guarantee & Indemnity
- n Guarantee of Hire Purchase Agreement
- o Guarantee of Hire Purchase-i Agreement
- p Insurance Guarantee
- q Joint & Several Guarantee & Indemnity
- r Joint And Several Guarantee
- s Letter of Continuing Guarantee and Indemnity
- t Letter of Continuing Guarantee for Execution by Individual(s)
- u Letter of Indemnity (Deceased Account)
- v Letter of Indemnity (Joint Account)
- w Letter of Indemnity for Acceptance of Foreign Currency Cheque/Draft/Travelers Cheque
- x Letter of Indemnity for Applicant Below 18 Years Old
- y Letter of Indemnity for Application to Use Debit Card by the Applicant Below the Age of 18 Years Old
- z Letter of Indemnity for Deceased Account
- aa Letter of Indemnity for Deceased Party Claim
- ab Letter of Indemnity for Electronic Transmission Instructions to Transfer to 3rd Party
- ac Letter of Indemnity for Issuance of Duplicate Savings Passbook
- ad Letter of Indemnity for Loss of Savings Passbook
- ae Letter of Indemnity for Withdrawal from a Deceased Customer
- af Letter of Guarantee and Indemnity
- ag Memorandum of Continuing Guarantee & Indemnity
- ah Memorandum of Discharge of Charge
- ai Personal Guarantee & Indemnity
- aj Surat Jaminan dan Tanggung Rugi
- ak Takaful Guarantee
- al Undertaking Indemnity & Guarantee



4.15 Account Opening Form

- a Account Application Form
- b Account Opening Form
- c Application for Internet Banking Maybank2u Biz Service
- d CIMB Bank Berhad USD Denominated Gold Account
- e Creation of Security
- f i-bizRAKYAT Application Form
- g Mandate Cum Indemnity for Joint Account
- h PB Electronic Credit Payment Service
- i PB Sharelink - Share Trading Service
- j Partnership Account Mandate for Opening Account and Subscription Services



4.16 Agency / Dealer Agreement

- a AIA Pension and Asset Management Agent's Agreement
- b Agency Agreement Unit Trust Consultant
- c Agency Leader Agreement, Agency Leader's Contract
- d Agency/Dealer Agreement
- e Agent Contract Etiqa Family Takaful Berhad
- f Appointment of Authorised Dealership for Celcom Mobile Sdn Bhd
- g Associate Representative Agreement
- h Corporate Agent Agreement (CAA)
- i Contract with Introducer
- j Contract with Unit Trust Consultant
- k Family Takaful Agent's Agreement
- l General Insurance Agency Agreement
- m Letter of Appointment as Hotlink Agent
- n Letter of Appointment as Maxis Dealer



4.17 Arahan Tetap

- a General Standing Order Payment Instruction Form
- b Periodical Payment Application
- c Standing Instruction Form for Loans/Hire Purchase/ Islamic Financing



G. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA DI BAWAH PENYETEMAN AM



4.18 Authorisation Letter

- a Appointment of Authorised Dealership
- b Appointment of Agent
- c Authorization letter as Representative
- d Letter of Authorisation
- e Letter of Authorisation and Indemnity
- f Letter of Lien and Authority
- g Authorization to Link Current/Savings Account to Safe Deposit Box Account for Rental Payment



4.19 Authorisation to Fund Transfer

- a Authorisation to Debit Current/Savings
- b Authorisation to Fund Transfer
- c Authorised Personnel for Current Account Matters and Facsimile Transmission Confirmation
- d Automatic Fund Transfer for Credit Card
- e Automatic Fund Transfer for Debit Card
- f Borang Pindahan Dana Automatik
- g Direct Debit Application Form
- h Letter of Authorisation to Debit



4.20 Bank Guarantee

- a Application for Issue of a Bank Guarantee
- b Application Form Bank Guarantee



4.21 Borang Ganti rugi

- a Borang Ganti Rugi (Buku Akaun Simpanan)
- b Borang Ganti Rugi (Buku Akaun Simpanan-i)
- c Borang Pelepasan dan Tanggung Rugi
- d Borang Tanggung Rugi (Deposit Tetap)



4.22 By Laws

- a By-Laws and Additional By-Laws
- b By-Laws Agreement



4.23 Covenants (bukan bersifat sekuriti)

- a Covenants
- b Deed of Community Covenants
- c Deed of Mutual Covenants
- d Deed of Mutual Understanding
- e Deed of Security Covenants
- f House Rules and Covenants Agreement
- g Perjanjian Persefahaman / Persetujuan



4.24 Reconveyance, Discharged and Reassignment (by way of security)

- a Deed of Receipt & Reassignment
- b Deed of Reassignment
- c Deed of Release and Discharge
- d Deed of Release and Reassignment
- e Deed of Revocation and Reassignment
- f Discharge and Indemnity
- g Discharge of Charge
- h Release and Revocation
- i Partial Satisfaction and Release
- j Receipt and Reassignment



4.25 Family Agreement

- a Deed of Family and Distribution Agreement
- b Deed of Family Arrangement and Indemnity
- c Deed of Family Undertakings
- d Perjanjian Persetujuan Pembahagian Harta Pusaka



4.26 Deklarasi Amanah

- a Addendum Hibah Amanah
- b Addendum Pengisytiharan Amanah
- c Akuan Penjaga Amanah (Trustee)
- d Borang Permohonan Pentadbiran Harta Pusaka
- e Borang Pendaftaran Sebagai Pemegang Amanah
- f Perakuan Pemegang Amanah
- g Perlantikan Pemegang Amanah Baru dan Pelaksanaan Suatu Kuasa



G. PENGENAAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA DI BAWAH PENYETEMAN AM



4 CONTOH-CONTOH SURAT CARA

4.27 Indemnity

- a Aku Janji Latihan Industri
- b Akuan Gantirugi oleh Ibubapa/Penjaga
- c Declaration/Indemnity Form (Safe Deposit Box Key)
- d Deceased Account (Claimant)
- e Deceased Account (Guarantor)
- f Deceased Account - Deed of Indemnity
- g General Letter of Indemnity
- h Indemnity and Subrogation
- i Indemnity and Undertaking
- j Indemnity Debit Card by Parent
- k Indemnity for Loss of Savings Passbook
- l Indemnity for Minor Account And / or Debit Card/-I
- m Indemnity for Release of Account Balances
- n Indemnity for Taking Fax Oral Email and Written Instructions
- o Indemnity Form (Gold Investment Account Passbook)
- p Indemnity Form (Savings Account Passbook)
- q Irrevocable Letter of Undertaking cum Indemnity
- r Letter for Indemnity for Savings/Current/ Fixed Deposit Account (for Deceased Account)
- s Letter of Indemnity (Bankers Guarantee)
- t Letter of Indemnity (For Applicant / Accountholder Below 18 Years Old)
- u Letter of Indemnity (For Joint Account Only)
- v Letter of Indemnity for Request to Close Savings Account Without Original Passbook
- w Notification of Lost Key



4.28 Perkongsian

- a Partner Start-Up Package Agreement
- b Business Introducer Agreement
- c Business Partnership Agreement
- d Limited Liability Partnership Agreement
- e Mandat Akaun Perkongsian
- f Pembubaran Perkongsian
- g Perjanjian Perkongsian Perniagaan



4.29 Pensijilan

- a Perjanjian Pensijilan Halal
- b Product Certification Agreement



4.30 Kontrak Perisytiharan Jualan

- a Kontrak Lelongan Awam
- b Kontrak Perisytiharan Jualan
- c Memorandum Jualan Lelongan Awam
- d Proclamation of Sale



4.31 Other Agreement by Letter

- a Irrevocable Letter of Undertaking
- b Letter of Hypothecation
- c Letter of Notification
- d Letter of Undertaking
- e Letter of Undertaking for Trust Receipt
- f Surat Kelulusan Program Rumah Mesra Rakyat
- g Surat Persetujuan Penolakan (SPP)



4.32 Share Sale Agreement

- a Amended and Restated Share Sale Agreement
- b Amended and Restated Shareholders Agreement
- c Perjanjian Jual Beli Saham
- d Sale and Purchase of Shares Agreement



4.33 Keahlian Perbankan

- a Keahlian Perbankan
- b Red Carpet Banking (RCB) Membership Application Form



4.34 Borang Social Security Organisation (SOCSO/ PERKESO)

- a Borang Permohonan Tribunal Keselamatan Sosial (2018)
- b Borang Praeceive

